



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI
SIARAN MEDIA**

MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN EKONOMI BIL. 4/2019

1. YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mempengerusikan mesyuarat ke-4 Majlis Tindakan Ekonomi atau *Economic Action Council* (EAC) pada pagi ini.
2. Perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah langkah segera yang boleh dilaksanakan untuk memacu industri pelancongan negara bagi merangsang ekonomi domestik, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan hasil pertukaran asing (*foreign exchange earnings*). Antara perkara yang diberi penekanan adalah usaha meningkatkan produk pelancongan, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, merangka semula kaedah pemasaran, mengukuhkan tadbir urus dan mempergiatkan pelancongan domestik.
3. EAC juga membincangkan cadangan penambahbaikan prosedur mendapat kelulusan permit pembinaan bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan merancak lagi pelaburan swasta. EAC memutuskan supaya tempoh urusan mendapatkan kelulusan permit pembinaan dipendekkan dari 390 hari kepada 90 hari. Cadangan penambahbaikan ini akan dilaksanakan segera dengan menghapuskan syarat yang tidak diperlukan tanpa melibatkan pindaan undang-undang berkaitan sedia ada.
4. Kerajaan Pakatan Harapan turut mengutamakan langkah segera bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi, memastikan pembangunan yang mampan dan kemakmuran negara dapat dinikmati bersama oleh seluruh rakyat. Kerajaan yakin pelaksanaan langkah-langkah segera ini dapat merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara, seterusnya meningkat kesejahteraan rakyat demi kemakmuran bersama.

**Urus Setia
Majlis Tindakan Ekonomi (EAC)
Kementerian Hal Ehwat Ekonomi**

8 Julai 2019